

06/03/2002

Senarai calon di Ketari dikemuka minggu depan

Zainuddin Isa

BENTONG, Selasa - Gerakan dijangka selesai menyenarai pendek calon pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, selewat-lewatnya akhir minggu ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata senarai calon akan dibincang pada mesyuarat jawatankuasa kerja pusat (CWC) sebelum diserahkan kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan.

Sementara itu, jawatankuasa Gerakan Bentong akan menemui penyokong peringkat akar umbi bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan calon pilihan mereka.

"Saya sendiri akan menemui semua jawatankuasa bahagian dan kepimpinan akar umbi untuk mendapat mesej dan reaksi mereka," katanya selepas upacara pengebumian mendiang Datuk Loke Koon Kam, di sini hari ini.

Loke, 59, meninggal dunia di rumahnya di Taman Sungai Marong, Ketari, Ahad lalu selepas dua tahun menghidap barah rahang.

Lim berkata, walaupun sebelum ini beliau mempunyai nama calon sesuai, tetapi berpendapat biar ia dipilih berasaskan pandangan lebih 2,000 ahli Gerakan di Ketari.

Gerakan juga berharap mendapat pandangan daripada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan pemimpin BN negeri lain.

Ditanya mengenai spekulasi Gerakan kini mempunyai empat calon, beliau berkata semua pihak bebas memberi cadangan, termasuk akhbar.

"Saya setuju dengan pandangan serta cadangan anda dan sedia menimbangkannya. Semalam, kita menerima tiga calon dari akhbar dan hari ini anda menambah satu lagi menjadi empat. Memanglah saya sedang mencari calon yang akan mengisi tempat Loke dari semua pihak," katanya.

Beliau juga berkata, adalah tidak sesuai terlalu menumpukan kepada siapa bakal calon, sebaliknya yang penting sejauh mana parti mampu mempunyai jentera yang kuat bagi menghadapi saingan lawan.

Katanya, jentera pilihan raya parti Gerakan sudah ditubuhkan diketuai olehnya serta dibantu semua naib presiden, setiausaha agung dan ahli jawatankuasa bahagian.

Beliau juga mencadangkan Adnan dilantik pengerusi jentera pilihan raya kecil BN sejajar kedudukannya sebagai pengerusi perhubungan BN Pahang.

Sementara itu, Naib Presiden, Tan Sri Dr Koh Tsu koon yakin DUN Ketari mampu dipertahankan berikutan komitmen tinggi dan semangat berpasukan kepimpinan BN, khususnya di Pahang.

Katanya, walaupun kemenangan majoriti tipis sebelum ini, ia boleh dikekalkan jika semua pihak bertungkus lumus bekerja serta mendapat sokongan penuh pengundi.

Pada pilihan raya umum lalu, Loke menewaskan calon DAP, Chong Siew Onn dengan majoriti 231 undi. Loke memperolehi 5,874, manakala Chong 5,643 undi.

(END)